

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN
ABD. KADIR [SETIU]**

TARIKH : 18 OGOS 2020 (SELASA)

SOALAN

Tuan Shaharizukirnain Bin Abd. Kadir [Setiu] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menjelaskan secara terperinci sejauh mana jenayah seksual dalam kalangan kanak-kanak yang menjadi mangsa pedofilia berlaku dalam negara kita dan usaha-usaha menanganinya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan Kanun Keseksaan, Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual terhadap Kanak-Kanak 2017 dan Akta Kanak-Kanak 2001, kesalahan rogol, sumbang mahram, luar tabii, cabul, amang seksual dan penganiayaan seksual adalah merupakan sebahagian daripada jenayah seksual terhadap kanak-kanak.

Statistik jenayah seksual ke atas kanak-kanak pada tahun **2020 sehingga 30 Jun 2020** yang direkodkan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) adalah sebanyak 1,721 kes, mengikut pecahan seperti berikut:

- (i) Kesalahan rogol : 651 kes;
- (ii) Sumbang mahram: 106 kes;
- (iii) Luar Tabii: 106 kes;
- (iv) Cabul: 344 kes; dan
- (v) Kesalahan di bawah Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual terhadap Kanak-Kanak 2017: 514 kes.

Kajian penanda aras yang dikeluarkan oleh The Economist Intelligence Unit pada tahun 2019 meletakkan Malaysia di tempat ke- 23 daripada 60 buah negara dalam usaha melindungi kanak-kanak daripada jenayah seksual.

Tuan Yang di-Pertua,

Susulan kes Richard Huckle, seorang warganegara Britain yang telah dijatuhi hukuman penjara seumur hidup oleh mahkamah Britain selepas mengaku bersalah atas pertuduhan penderaan seksual ke atas kanak-kanak di Malaysia pada tahun 2016, Kerajaan telah mengambil pelbagai tindakan untuk menangani isu jenayah seksual pedofilia daripada aspek pencegahan, perundangan, intervensi, sistem sokongan dan juga kajian atau penyelidikan lanjut untuk membantu memantapkan sistem sedia ada.

Antara contoh inisiatif termasuklah:

- (i) Program advokasi seperti kempen keselamatan kanak-kanak di Sekolah – Sahabat B.I.J.A.K (Banteras Indeks Jenayah terhadap Kanak-Kanak);
- (ii) Penggubalan Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual terhadap Kanak-Kanak 2017;
- (iii) Penalti-penalti yang berat sehingga 30 tahun hukuman penjara dan hukuman sebat;
- (iv) Penubuhan Mahkamah Jenayah Seksual Terhadap Kanak-Kanak telah ditubuhkan di Putrajaya pada tahun 2017 dan di Kuching pada tahun 2018 bagi mempercepatkan proses kehakiman bagi kes-kes jenayah seksual terhadap kanak-kanak;
- (v) Kementerian juga telah mengadakan beberapa sesi perbincangan pada tahun 2019 bersama Kementerian Dalam Negeri, PDRM, Jabatan Imigresen dan Kementerian Luar Negeri berkaitan dengan pembangunan Tatacara Operasi Standard (SOP) bagi memperketatkan kemasukan pesalah jenayah seksual ke dalam negara; dan
- (vi) Kerajaan sedang bekerjasama dengan UNICEF untuk mengkaji jenayah seksual terhadap kanak-kanak atas talian.

Tuan Yang di-Pertua,

Dengan adanya usaha-usaha berterusan ini, diharapkan dapat melindungi kanak-kanak di negara ini dan seterusnya mengekang jenayah seksual terhadap kanak-kanak daripada berlaku.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : PUAN NOR AZRINA BINTI SURIP
[MERBOK]**

TARIKH : 18 OGOS 2020 (SELASA)

SOALAN

Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan secara terperinci perkembangan terkini berkenaan penggubalan Rang Undang-Undang (RUU) Gangguan Seksual.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Draf RUU GS telah disediakan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dengan mengambil kira pandangan pelbagai pihak melalui penubuhan satu pasukan projek khas yang terdiri daripada pihak berkepentingan meliputi pelbagai Kementerian dan Agensi, ahli akademik, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan individu-individu yang mempunyai pengalaman dan pengetahuan berkenaan isu-isu spesifik berkaitan gangguan seksual. Penglibatan dan konsultasi dengan pelbagai pihak ini telah banyak membantu dalam mempercepatkan lagi proses penyediaan draf RUU tersebut.

Draf RUU ini telah dikemukakan ke Jabatan Peguam Negara pada 23 Januari 2020 untuk pemakluman pihak mereka. Sebagai tindakan susulan, KPWKM pada 7 Februari 2020 telah mengadakan satu mesyuarat yang melibatkan Jabatan Peguam Negara, BHEUU, Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan dan ahli-ahli pasukan khas yang membantu menggubal RUU ini. Melalui mesyuarat tersebut, pihak Jabatan Peguam Negara telah mengemukakan pandangan dan cadangan penambahbaikan pada draf RUU GS dan pada masa kini ia sedang di fasa akhir penyediaan dan pengemaskinian oleh KPWKM.

Berdasarkan perancangan asal, RUU ini dicadangkan untuk dibentangkan di Parlimen sekitar bulan Mac 2020. Namun demikian, mengambil kira perubahan struktur Kerajaan terkini, cadangan penggubalan RUU ini perlu dibentangkan semula kepada Jemaah Menteri untuk pertimbangan dan keputusan Kerajaan semasa. Selain itu, beberapa perubahan juga perlu dibuat ke atas perancangan asal penggubalan RUU ini berikutan Perintah Kawalan Pergerakan yang dilaksanakan oleh Kerajaan dalam menangani pandemik COVID-19.

Kementerian merancang untuk membentangkan bacaan pertama kedua-dua RUU GS dalam Mesyuarat Ketiga Penggal Ketiga Parlimen Keempat Belas tahun 2020 yang dijangka pada hujung tahun ini.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN
[SEGAMBUS]**

TARIKH : 18 OGOS 2020 (SELASA)

SOALAN

Puan Hannah Yeoh Tseow Suan [Segambut] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah status terkini penggubalan Rang Undang-Undang (RUU) Gangguan Seksual dan Rang Undang-Undang (RUU) Profesion Kerja Sosial dan bilakah kedua-dua RUU ini akan dibentangkan di Parlimen.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kedua-dua draf RUU GS dan RUU PKS telah disediakan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dengan mengambil kira pandangan pelbagai pihak melalui penubuhan satu pasukan projek khas yang terdiri daripada pihak berkepentingan meliputi pelbagai Kementerian dan Agensi, ahli akademik, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan individu-individu yang mempunyai pengalaman dan pengetahuan berkenaan isu-isu spesifik berkaitan gangguan seksual dan profesion kerja sosial. Penglibatan dan konsultasi dengan pelbagai pihak ini telah banyak membantu dalam mempercepatkan lagi proses penyediaan draf RUU tersebut.

Bagi draf RUU PKS, ia kini di peringkat akhir penggubalan sebelum dikemukakan kepada Bahagian Gubalan, Jabatan Peguam Negara. Draft berkaitan kesalahan dan penalti telah disemak oleh Bahagian Pendakwaan, Jabatan Peguam Negara pada bulan Januari 2020.

Berhubung RUU GS pula, draf awal RUU telah dikemukakan ke Jabatan Peguam Negara pada 23 Januari 2020 untuk pemakluman pihak mereka. Sebagai tindakan susulan, KPWKM pada 7 Februari 2020 telah mengadakan satu mesyuarat yang melibatkan Jabatan Peguam Negara, BHEUU, Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan dan ahli-ahli pasukan khas yang membantu menggubal RUU ini. Melalui mesyuarat tersebut, pihak Jabatan Peguam Negara telah mengemukakan pandangan dan cadangan penambahbaikan pada draf RUU GS dan pada masa kini ia sedang di fasa akhir penyediaan dan pengemaskinian oleh KPWKM.

Berdasarkan perancangan asal, kedua-dua RUU ini dicadangkan untuk dibentangkan di Parlimen sekitar bulan Mac 2020. Namun demikian, mengambil kira perubahan struktur Kerajaan terkini, cadangan penggubalan kedua-dua RUU tersebut perlu dibentangkan semula kepada Jemaah Menteri untuk pertimbangan dan keputusan Kerajaan semasa. Selain itu, beberapa perubahan juga perlu dibuat ke atas

SOALAN NO. : 37

perancangan asal penggubalan RUU ini berikutan Perintah Kawalan Pergerakan yang dilaksanakan oleh Kerajaan dalam menangani pandemik COVID-19.

Kementerian merancang untuk membentangkan bacaan pertama kedua-dua RUU GS dan RUU PKS dalam Mesyuarat Ketiga Penggal Ketiga Parlimen Keempat Belas tahun 2020 yang dijangka pada hujung tahun ini.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO
[BATU KAWAN]**

TARIKH : 18 OGOS 2020 (SELASA)

SOALAN

Puan Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan :-

(a) apakah status Pelan Strategi Kebangsaan Bagi Menangani Punca Perkahwinan Bawah Umur, status jawatankuasa pemandunya dan apakah usaha Kerajaan terhadap 7 negeri yang tidak bersetuju untuk menetapkan 18 sebagai had umur perkahwinan ; dan

(b) bilangan kanak-kanak pengantin lelaki dan perempuan di bawah 18 tahun mengikut pecahan umur di antara pasangan, negeri dan jantina pasangan serta kaum dan agama yang telah berkahwin setakat ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan komited meneruskan usaha bagi menangani punca perkahwinan bawah umur melalui pelaksanaan Pelan Strategi Kebangsaan Bagi Menangani Punca Perkahwinan Bawah Umur 2020 sehingga 2025. Pelan ini mengandungi pelbagai program dan tindakan yang akan dilaksanakan sehingga ke peringkat akar umbi untuk menangani enam faktor yang telah dikenal pasti sebagai punca perkahwinan bawah umur. Program dan tindakan yang dirancang sepanjang tempoh lima tahun pelaksanaan pelan akan mencerminkan isu-isu yang merentas pelbagai sektor seperti perundangan, keibubapaan, sistem sokongan sosial, pendidikan, kesihatan dan kesedaran.

Bagi memastikan pelaksanaan Pelan ini berjalan dengan lancar maka satu Jawatankuasa Pemandu yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian ditubuhkan untuk memantau pelaksanaan pelan serta perkembangan program dan tindakan yang telah dirancang bagi setiap strategi di bawah faktor. Selain itu, Jawatankuasa ini turut berfungsi sebagai platform untuk agensi pelaksana yang terlibat melaporkan pelaksanaan, isu dan cabaran serta cadangan penambahbaikan terhadap setiap program atau tindakan yang dilaksanakan. Jawatankuasa ini juga akan berkuat kuasa dari selama lima tahun sepanjang tempoh pelaksanaan Pelan. Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu bilangan 1 bagi tahun 2020 juga dirancang untuk diadakan pada bulan Ogos tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian juga bercadang untuk mengadakan beberapa siri konsultasi di semua negeri mengenai cadangan kenaikan had umur perkahwinan bagi lelaki dan perempuan. Kementerian juga akan meneruskan usaha untuk mengadakan perbincangan bersama UNICEF yang tertangguh disebabkan oleh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Sesi libat urus juga akan diadakan dengan melibatkan kerjasama pelbagai pihak seperti Kementerian/Jabatan Kerajaan, Ahli Akademik, pakar hak asasi kanak-

SOALAN NO. : 42

kanak, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), agamawan serta wakil Kerajaan negeri Sabah dan Sarawak bersama komuniti dari etnik tertentu yang masih mengamalkan perkahwinan bawah umur melalui undang-undang adat.

Kita amat berharap supaya kerjasama dari semua pihak termasuk rakan daripada pihak pembangkang, ahli akademik, NGO dapat diteruskan sebagai rakan strategik bersama Kementerian dalam mengekang perkahwinan bawah umur ini dan seterusnya merealisasikan potensi penuh kanak-kanak di negara ini.

**Jadual 1: Perkahwinan Bawah Umur Mengikut Etnik dan Negeri 2018
yang beragama Islam (Lelaki)**

Kump. Umur \ Negeri	Johor	Kedah	Kelantan	Melaka	N. Sembilan	Pahang	Perak	Perlis	Pulau Pinang	Sabah	Sarawak	Selangor	Terengganu	W.P. K.L.	W.P. Labuan	W.P. Putrajaya	Total
Bumiputra																	
17	11	12	-	4	3	19	15	1	3	28	1	10	13	2	3	-	125
16	3	2	-	1	2	4	5	1	1	7	-	1	4	2	1	-	34
15	-	2	-	-	-	-	1	-	-	4	-	-	-	-	-	-	7
Total	14	16	-	5	5	23	21	2	4	39	1	11	17	4	4	-	166
Cina																	
17	-	-	-	-	-	1	-	-	-	-	-	-	-	-	1	-	2
Total	-	-	-	-	-	1	-	-	-	-	-	-	-	-	1	-	2
India																	
Total	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Lain-lain																	
17	-	-	-	-	-	1	-	-	-	1	-	-	-	-	-	-	2
Total	-	-	-	-	-	1	-	-	-	1	-	-	-	-	-	-	2

**Jadual 2: Perkahwinan Bawah Umur Mengikut Etnik dan Negeri 2018
yang Beragama Islam (Perempuan)**

Kump. Umur \ Negeri	Johor	Kedah	Kelantan	Melaka	N. Sembilan	Pahang	Perak	Perlis	Pulau Pinang	Sabah	Sarawak	Selangor	Terengganu	W.P. K.L.	W.P. Labuan	W.P. Putrajaya	Total
Bumiputra																	
17	92	68	-	20	33	76	83	28	21	156	-	100	77	27	7	-	788
16	45	44	1	9	16	50	31	12	13	78	-	39	38	17	3	-	396
15	11	16	-	4	-	14	10	2	3	19	-	6	12	1	-	-	98
14	3	2	-	-	2	4	3	1	-	7	-	-	6	1	-	-	29
13	-	-	-	-	-	-	1	-	-	-	-	-	-	-	-	-	1
12	-	1	-	-	-	1	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	2
Total	151	131	1	33	51	145	128	43	37	260	-	145	133	46	10	-	1,314
Cina																	
17	-	-	-	-	-	1	1	-	-	1	-	-	-	-	-	-	3
16	-	-	-	-	-	-	-	-	-	1	-	-	-	-	-	-	1
15	-	-	-	-	-	-	-	-	-	1	-	-	-	-	-	-	1
Total	-	-	-	-	-	1	1	-	-	3	-	-	-	-	-	-	5
India																	
17	-	-	-	-	-	-	-	-	-	1	-	-	-	-	-	-	1
16	-	-	-	-	1	-	-	-	-	-	-	1	-	-	-	-	2
Total	-	-	-	-	1	-	-	-	-	1	-	1	-	-	-	-	3
Lain-lain																	
17	2	-	-	1	-	5	-	-	-	21	-	5	4	1	-	-	39
16	-	-	-	-	-	1	-	-	-	7	-	1	-	-	-	-	9
15	-	-	-	-	-	-	-	-	-	2	-	-	-	-	-	-	2
Total	2	-	-	1	-	6	-	-	-	30	-	6	4	1	-	-	50

**Jadual 3: Perkahwinan Bawah Umur Mengikut Etnik dan Negeri 2018
yang Bukan Beragama Islam (Lelaki)**

Kump. Umur \ Negeri	Johor	Kedah	Kelantan	Melaka	N. Sembilan	Pahang	Perak	Perlis	Pulau Pinang	Sabah	Sarawak	Selangor	Terengganu	W.P. K.L.	W.P. Labuan	W.P. Putrajaya	Total
Bumiputra																	
17	1	-	-	-	2	11	-	-	-	-	1	-	-	-	-	-	15
16	-	-	-	-	1	2	1	-	-	-	-	-	-	-	-	-	4
15	-	-	-	-	-	1	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	1
Total	1	-	-	-	3	14	1	-	-	-	1	-	-	-	-	-	20
Cina																	
17	1	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	1
Total	1	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	1
India																	
Total	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Lain-lain																	
Total	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-

**Jadual 4: Perkahwinan Bawah Umur Mengikut Etnik dan Negeri 2018
yang Bukan Beragama Islam (Perempuan)**

Kump. Umur \ Negeri	Johor	Kedah	Kelantan	Melaka	N. Sembilan	Pahang	Perak	Perlis	Pulau Pinang	Sabah	Sarawak	Selangor	Terengganu	W.P. K.L.	W.P. Labuan	W.P. Putrajaya	Total
Bumiputra																	
17	1	-	5	-	2	34	10	-	-	6	29	-	-	-	-	-	87
16	1	-	3	1	5	23	7	-	-	-	14	2	-	-	-	-	56
15	-	-	2	-	1	18	2	-	-	-	-	-	-	-	-	-	23
14	-	-	-	-	-	7	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	7
13	-	-	-	-	-	1	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	1
Total	2	-	10	1	8	83	19	-	-	6	43	2	-	-	-	-	174
Cina																	
17	17	-	-	-	2	3	6	-	7	2	8	8	-	5	-	-	58
16	11	-	-	2	4	1	5	-	3	1	3	3	-	1	-	-	34
Total	28	-	-	2	6	4	11	-	10	3	11	11	-	6	-	-	92
India																	
17	2	-	-	3	2	1	2	-	-	-	-	3	-	1	-	-	14
16	-	-	-	-	-	-	1	-	-	-	-	2	-	-	-	-	3
Total	2	-	-	3	2	1	3	-	-	-	-	5	-	1	-	-	17
Lain-lain																	
17	-	1	-	-	1	-	1	2	-	1	-	1	-	1	-	-	8
16	1	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	1	-	-	-	-	2
Total	1	1	-	-	1	-	1	2	-	1	-	2	-	1	-	-	10